

Keberkesanan LT Flow Map Dalam Menguasai Resipi Standard Semasa Latihan Praktikal

Viknesvari Letchumanan^{1,*}

¹ vikneslt@edidik.edu.my; +60149319931

Abstrak: Kursus Penyediaan dan Pembuatan Makanan merupakan satu kursus yang menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) masalah pembelajaran kurang upaya interlektual. Sebagai seorang guru, pengkaji mendapati MBPK tidak berani menjalankan latihan praktikal, tidak mahir merujuk resipi standard semasa menjalankan latihan praktikal dan lemah dalam pemahaman resipi standard. Objektif kajian ini adalah untuk meningkatkan kefahaman resipi standard sebelum memulakan latihan praktikal, memastikan menjalankan latihan praktikal dengan berani serta yakin pada diri sendiri dan dapat menghasilkan hidangan mengikut langkah penyediaan dengan baik. Kajian tindakan menggunakan model kajian tindakan Kemmis dan Mc Taggart (1988) dengan menggunakan dua instrumen iaitu pemerhatian dan temubual. Kajian ini melibatkan sembilan orang murid Tingkatan 5 PPM C yang tidak dapat menghasilkan hidangan dengan baik. Intervensi yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah LT Flow Map. Berdasarkan intervensi yang telah diaplikasikan MBPK dapat menjalankan latihan praktikal dengan baik di mana mereka dapat memahami resipi standard, menghasilkan hidangan dengan berani serta yakin pada diri sendiri dan mengikut langkah penyediaan yang betul.

Kata kunci: Penyediaan dan Pembuatan Makanan, Masalah Pembelajaran Kurang Upaya Interlektual, Latihan Praktikal, Flow Map



Copyright: © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Kursus Penyediaan dan Pembuatan Makanan (PPM) merupakan satu kursus yang popular dan menyediakan peluang pekerjaan yang meluas di seluruh dunia kepada generasi muda sekarang. Menurut Faranina (2017), kemahiran praktikal kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) masalah pembelajaran kurang upaya interlektual perlu di pupuk dari sekolah agar mereka dapat menyumbang kepada Negara dan membantu kehidupan harian mereka kelak. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas masalah pembelajaran kurang upaya interlektual mempunyai memori yang singkat dan perkembangan yang lambat untuk mengingat atau untuk mempelajari sesuatu yang baru.

Pengkaji merupakan seorang tenaga pengajar Sijil Kemahiran Malaysia bagi kursus Penyediaan dan Pembuatan Makanan (PPM) HT 012-2:2012 di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura Kulai Johor. Saya telah mengajar dalam bidang PPM selama 7 tahun. Dalam kursus PPM terdapat sembilan *Competency Unit* (CU). Saya mendapati, satu masalah yang kerap berlaku dalam MBPK masalah pembelajaran kurang upaya interlektual adalah sukar untuk mengingat langkah penyediaan awal mahupun langkah penyediaan bagi sesuatu hidangan.

Pengkaji melaksanakan kajian tindakan berdasarkan refleksi pengajaran yang lepas. Dapatan analisis daripada pemerhatian dan soal selidik yang dilakukan oleh pengkaji terhadap MBPK terdapat beberapa masalah

yang di hadapi oleh mereka. Tiga masalah yang di hadapi oleh MBPK masalah pembelajaran kurang upaya interlektual ialah, murid tidak berani untuk menjalankan latihan praktikal semasa kelas praktikal dijalankan. Kedua murid tidak mahir merujuk resipi standard semasa menjalankan latihan praktikal dan ketiga murid lemah dalam kefahaman resipi standard. Oleh sedemikian, pengkaji telah memperkenalkan satu intervensi iaitu Learn Thru (LT) Flow Map kepada murid saya. Menurut Islam (2022), peta atau rajah alir merupakan salah satu kaedah proses kerja yang sangat baik, dimana ia dapat meningkatkan kemahiran kongnitif dalam MBPK masalah pembelajaran kurang upaya interlektual.

1.1 Pernyataan Masalah Berdasarkan Refleksi

Setiap minggu, terdapat satu hari MBPK masalah pembelajaran kurang upaya interlektual perlu melaksanakan latihan pratikal. Semasa pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) dalam kelas praktikal, pengkaji dapat melihat beberapa masalah dalam kalangan MBPK ini. Antaranya ialah, MBPK tidak berani untuk menjalankan latihan pratikal, kelihatan ketakutan untuk memasak dan tidak yakin pada diri sendiri semasa menyediakan hidangan. Kedua, pengkaji dapat mengenalpasti, MBPK sentiasa buat salah dalam langkah penyediaan awal atau langkah penyediaan bagi sesuatu hidangan.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian tindakan ini dilaksanakan:

1. Menenalpasti kefahaman standard resipi sebelum memulakan latihan praktikal.
2. Menenalpasti keberkesanan intervensi *LT Flow Map* terhadap keberanian serta keyakinan dalam diri murid.
3. Menenalpasti keberkesanan intervensi *LT Flow Map* dalam menghasilkan hidangan mengikut langkah penyediaan dengan betul.

2. KAEDAH METADOLOGI

Berdasarkan kepada tinjauan masalah yang dilakukan oleh pengkaji tiga isu iaitu murid tidak berani untuk menjalankan latihan praktikal semasa kelas pratikal dijalankan, murid tidak mahir merujuk resipi standard semasa menjalankan latihan praktikal dan murid masih lemah dalam kefahaman resipi standard.

Pengkaji merasakan bahawa perlunya penambahbaikan terhadap ketiga-tiga isu yang dibangkitkan dalam kajian ini, pengkaji telah bercadang untuk menggunakan peta i-Think (Flow Map) supaya murid dapat memberanikan atau meningkatkan keyakinan dalam diri semasa menjalankan latihan pratikal, mengetahui kaedah yang betul dan mahir dalam merujuk resipi standard. Penggunaan Flow Map dalam latihan praktikal sangat penting dan memudahkan MBPK masalah pembelajaran kurang upaya interlektual menjalankan latihan praktikal.

Hal ini yang demikian, dalam melaksanakan penyelidikan ini pengkaji ingin menggunakan model kajian tindakan yang diasaskan oleh Kemmis dan Mc Taggart (1988). Dalam model kajian Kemmis dan Mc Taggart (1988), terdapat empat proses iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Pengkaji akan memperincikan setiap proses dalam bentuk huraian seterusnya.




Rajah 1: Model Kajian Tindakan Kemmis dan Mc Taggart (1988)

Pengkaji telah bercadang untuk menggunakan Peta i-Think iaitu pembelajaran abad-21. Selepas mengambil kira tahap kefahaman murid masalah pembelajaran ini, pengkaji telah memutuskan menggunakan “Kaedah *LT Flow Map*” dalam penyelesaian isu pengkaji ini. Tujuan pengkaji menggunakan peta i- think ini untuk memudahkan MBPK masalah pembelajaran kurang upaa interlektual yakin semasa menjalankan latihan praktikal, mahir menggunakan resipi standard dan memahami resipi standard berserta dengan langkah - langkah penyediaan sesuatu hidangan.

Menurut Dhir H.K (2022), pengajaran menggunakan pendekatan pembelajaran abad- 21, dapat meningkatkan kecekapan, daya ingatan dan minat dalam diri murid masalah pembelajaran. Kaedah *LT Flow Map* dipilih kerana pengkaji berpandangan bahawa membantu guru dalam memberi arahan dan murid dapat menjalankan latihan praktikal dengan yakin apabila merujuk peta alir sambil memasak secara langsung.

Berikut merupakan peta alir yang asal mengikut pembelajaran abad 21.



Rajah 2: Peta Alir (Flow Map)

Pengkaji memperkenalkan intervensi kaedah *LT Flow Map*. Dengan menggunakan peta alir yang asal, pengkaji telah mengubahsuai susunan mengikut jenis hidangan, yang murid akan sediakan semasa latihan praktikal.

Sebelum membina peta alir, pengkaji telah menyediakan satu rumus khas iaitu PAMLaP untuk membina peta alir tersebut. Jadual di bawah menunjukkan, bagaimana pengkaji membangunkan

rumus PAMLaP mengikut jenis hidangan untuk membina peta alir dan memperkenalkan kaedah *LT Flow Map* dengan murid di kelas latihan praktikal.

Jadual 1: Jumlah Langkah Penyediaan Awal, Masakan dan Langkah Penyediaan bagi Tajuk Teknik Memasak


PA	Mewakili - Penyediaan Awal
M	Mewakili - Masakan
LaP	Mewakili - Langkah Penyediaan

Menu/Hidangan	Jumlah Langkah Penyediaan Awal (PA)	Jumlah Masakan (M)	Jumlah Langkah Penyediaan (LaP)
1. Ayam Percik	5	2	6 + 5
2. Ikan Dori	4	1	6
3. Teow Chew Porridge	6	2	7 + 3
4. Brown beef stew	5	1	8
5. Piza	6	2	1 + 6

Bagi menangani masalah murid semasa latihan praktikal, daripada rumus yang disediakan, pengkaji menyediakan peta alir. Berikut merupakan contoh bagi hidangan ayam percik, bagaimana pengkaji membina peta alir dan mengaplikasikan dalam kelas latihan praktikal.

Jadual 2: Langkah Penyediaan Peta Alir CU 2

Langkah 1	Pengkaji mengenalpasti tajuk yang ingin di ajar.
Langkah 2	Pengkaji merujuk resipi standard dalam kertas kerja.
Langkah 3	Pengkaji merujuk rumus yang telah disediakan bagi Resipi Ayam Percik • PAMLaP Ayam Percik: [5, 2, (6+5)] Semasa menghasilkan Hidangan Ayam Percik : • Terdapat lima langkah penyediaan awal (5 PA). • Dua jenis masakan iaitu sediakan kuah percik dan ayam panggang (2 M). • Dalam penyediaan kuah ayam percik terdapat lima langkah penyediaan (6 LaP) dan ayam panggang enam langkah penyediaan (5 LaP).
Langkah 4	Pengkaji akan menyediakan peta alir dengan merujuk rumus PAMLaP supaya tidak ketinggalan langkah penyediaan.

Langkah 5	Terhasil Peta Alir bagi Ayam Percik.  
Langkah 6	Pengkaji akan beri peta alir tersebut kepada murid tiga hari sebelum kelas praktikal. Pengkaji akan meminta murid menggunakan kaedah <i>Learn Thru Flow Map</i>.
Langkah 7	Murid akan mengaplikasikan kaedah <i>Learn Thru Flow Map</i> semasa kelas latihan praktikal. Semasa latihan praktikal murid boleh memasak sambil merujuk peta alir yang disediakan.  

Kaedah *LT Flow Map* digunakan supaya murid boleh menjalankan latihan praktikal dengan melihat dan merujuk peta alir yang disediakan. Dalam peta alir tersebut terdapat langkah - langkah penyediaan bagi satu hidangan berserta dengan gambar – gambar mengikut langkah.

Penggunaan kaedah *LT Flow Map* dalam PdPC kelas praktikal memberi semangat kepada murid untuk menyediakan hidangan. Kajian tindakan ini diteruskan dengan proses bertindak. Kajian tindakan ini di lakukan selama tiga bulan iaitu Kaedah *LT Flow Map*. Kajian di lakukan semasa kelas latihan praktikal setiap minggu pada hari Isnin atau hari Selasa. Berikut merupakan jadual pelaksanaan yang dirancang oleh pengkaji.

Jadual 3: Jadual Pelaksanaan Kajian Tindakan

Bil	Aktiviti	Tarikh Pelaksanaan
1	Mengenal pasti isu / masalah	21 September 2021
2	Menulis proposal Kajian	04 Mac 2022
3	Melaksanakan tindakan	21 Mac 2022 – 03 June 2022
4	Menulis laporan Kajian	10 Jun 2022
5	Pembentangan dapatan kajian	20 Julai 2022

Selepas jadual pelaksanaan kajian tindakan, pengkaji telah menyediakan jadual proses pelaksanaan kajian tindakan. Tujuan utama menyediakan jadual proses pelaksanaan adalah untuk

mengetahui proses yang dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas, Dengan adanya jadual proses pelaksanaan, memudahkan pengkaji untuk merujuk dan bertindak. Berikut merupakan jadual proses pelaksanaan kajian tindakan.

Jadual 4: Jadual Proses Pelaksanaan sepanjang Kajian Tindakan

Bil	Tarikh	Hari	Masa	Aktiviti
1	22 Sept 2021	Selasa	1 Jam	Bincang isu bersama <i>pairing</i> .
2	3 Oktober 2021	Ahad	1 Jam	Berjumpa dengan Ketua Panitia
3	10 Oktober 2021	Ahad	5 Jam	Mengeluarkan idea rumus khas iaitu PAMLaP dalam semua amali yang akan di jalankan pada bulan Mac. Pembacaan ilmiah
4	17 Oktober 2021	Ahad	2 Jam	Menyediakan rumus PAMLaP bagi lima jenis latihan praktikal bagi CU 2: Teknik Memasak.
5	24 Oktober 2021 - 31 Oktober 2021	Ahad	1 Jam setiap hari	Menyediakan peta alir dengan merujuk rumus PAMLaP. Menyediakan peta alir bagi hidangan Ayam Percik Ikan Dori Bersalut Serbuk Roti Teow Chew Porridge Brown Beed Stew Piza
6	Januari 2022			Penyemakkan kandungan dalam peta alir dengan guru.
7	21 Mac 2022 - 03 Jun 2022	Isnin & Selasa	3 Jam	Menjalankan aktiviti dalam kelas latihan praktikal. Kaedah <i>Learn Thru Flow Map</i> Mula aplikasikan dalam PdPC dan mencatat perubahan dalam diri murid. Adakah tercapai objektif kajian ini?


3. DAPATAN KAJIAN

Data dapatan kajian tindakan telah dikutip dengan menggunakan beberapa instrumen berdasarkan objektif kajian:

Bil.	Objektif	Instrumen (Alat Memungut Data)
1.	Murid dapat memahami resipi standard sebelum memulakan latihan praktikal	Pemerhatian
2.	Murid dapat menjalankan latihan praktikal dengan berani serta yakin pada diri sendiri.	Pemerhatian Temubual
3	Murid dapat menghasilkan hidangan mengikut lagkah penyediaan dengan baik	Pemerhatian

3.1 Murid dapat memahami resipi standard sebelum memulakan latihan praktikal.

Berdasarkan analisis pemerhatian yang dilakukan terhadap sembilan MBPK masalah pembelajaran kurang upaya interlektual jelas menunjukkan tujuh daripada sembilan murid memahami resipi standard sebelum memulakan latihan praktikal. Tujuh murid tersebut boleh menjawab soalan yang ditanyakan secara lisan. Bagi melihat kefahaman resipi standard pengkaji telah mengajukan soalan yang berasaskan hidangan yang akan disediakan sewaktu permulaan sesi PdPC kelas praktikal.



Rajah 3: Tahap Kefahaman Murid Terhadap Resipi Standard

Rajah di atas ini menunjukkan tujuh murid faham resipi standard. Ketujuh-tujuh murid tersebut boleh menjawab soalan lisan yang ditanyakan oleh guru dengan betul. Murid kelihatan aktif semasa sesi soal jawab dijalankan sebelum PdPC dimulakan. Setiap resipi standard akan diutarakan 5 jenis soalan yang berbeza dan melihat tahap kefahaman mereka. Berikut merupakan bukti borang pemerhatian bagi hidangan Piza.

Soalan: Piza	MURID 5 PPM C								
	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9
1. Nyatakan teknik memasak bagi piza?	/	/	/	/	/	/	/	/	/
2. Senaraikan 5 bahan kering yang digunakan untuk menghasilkan doh piza?	/	0	/	/	0	0	0	/	/
3. Pada suhu berapakah pizza perlu dimasak dalam ketuhar?	0	/	/	/	/	0	0	/	/
4. Sebelum sapu minyak zaitun di atas base pizza, apa kita perlu lakukan?	/	0	/	/	/	/	0	/	/
5. Berikan 3 daripada 5 langkah penyediaan awal dalam penghasilan piza.	/ (1)	/ (2)	/ (3)	/ (4)	/ (5)	0	/ (1)	/ (2)	/ (3)
JUMLAH SKOR	4	3	5	5	3 1/2	2	1	4	5

Rajah 4: Bukti Borang Pemerhatian Hidangan Piza

Dengan itu, terdapat seorang murid iaitu murid 6 mempunyai masalah membaca, sekiranya guru tanya murid sukar untuk menjawab dengan pantas tetapi boleh menjawab dengan betul sekiranya guru beri masa yang lebih. Manakala murid 7 pula, tahap kefahaman terhadap resipi standard masih rendah.

Selain itu, dengan merujuk Rajah 4, jelas menunjukkan terdapat peningkatan dari aspek kefahaman resipi standard sebelum memulakan latihan praktikal mereka dalam kelas. Selain itu, empat daripada tujuh orang murid iaitu Murid 1, Murid 3, Murid 5 dan Murid 9, didapati murid yang aktif dan pantas menjawab soalan serta latihan praktikal.

3.2 Murid dapat menjalankan latihan praktikal dengan berani serta yakin pada diri sendiri

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dilakukan kepada murid masalah pembelajaran selepas menggunakan intervensi Kaedah LT Flow Map, menunjukkan bahawa kaedah ini telah membantu murid menjalankan latihan praktikal dengan berani, menjalankan dengan teratur dan yakin pada diri sendiri. Bukti yang menunjukkan murid berani serta yakin pada diri sendiri semasa menjalankan latihan praktikal adalah, mereka merujuk peta alir yang disediakan semasa menjalankan amali, mereka boleh bertindak sendiri sekiranya tersilap langkah. Berikut merupakan gambar murid semasa menjalankan latihan praktikal di dalam kelas bagi hidangan Brown Beef Stew.



Dapatan melalui pemerhatian ini jelas menunjukkan keberkesanan dalam penggunaan intervensi Kaedah LT Flow Map, dimana murid dapat menghasilkan hidangan merujuk langkah penyediaan awal serta langkah penyediaan dengan berani dan yakin pada diri sendiri tanpa tanya kepada guru. Murid dapat menjalankan latihan praktikal masing-masing di unit mereka dengan baik, walaupun terdapat murid yang aktif siap dengan pantas. Murid yang perlahan semasa latihan praktikal, masih boleh menjalankan latihan praktikal mengikut prosuder yang betul.

Selepas pemerhatian, pada akhir kelas PdPC guru mengajukan soalan yang sama kepada murid secara berasingan untuk memperoleh maklum balas mereka. Berikut merupakan soalan - soalan yang pengkaji tanyakan kepada murid selepas tamat latihan praktikal:

1. Apakah perasaan anda selepas menjalankan amali pada hari ini?
2. Apakah perubahan dalam diri selepas penggunaan peta alir ini?
3. Adakah guru perlu teruskan penggunaan peta alir bagi latihan amali lain?

Kesembilan -sembilan murid telah menyatakan perasaan mereka selepas menjalankan latihan praktikal bagi hidangan *Brown Beef Stew*. Tiga murid menyatakan bahawa mereka rasa penat selepas menjalankan amali. Manakala empat murid menyatakan rasa penat tetapi senorok sebab dapat belajar benda baru yang tidak pernah buat sebelum ini. Dua murid lagi menyatakan bahawa mereka tidak rasa penat. Berikut merupakan respon daripada murid mengenai perasaan selepas menjalankan amali.

.....penat sikit...sebab buat banyak kerja seorang.....tapi boleh buat amali (TMBM1S1)

Saya senorok buat amali cikgu....tapi saya selalu siap awal kene tunggu kawan.(TMBM2S1)

..ah..perasaan saya pada hari ini gembira cikgu,sebab dapat dengan baik dari yang sebelum (TMBM3S1)

Seterusnya, pengkaji bertanya soalan berkaitan perubahan dalam diri murid sebelum menggunakan peta alir dan selepas menggunakan peta alir. Berikut merupakan respon daripada murid mengenai persoalan yang ditanyakan:

.....sebelum menggunakan peta alir...rasanya susah lah...tak tahu masak macam mana, cara-cara dia memasak.....selepas guna peta alir, saya senang tahu, rujuk sebelum saya memasak.....Kelebihan gunakan peta alir saya boleh buat kerja saya dengan pantas....ah....cepat....ah.....dan ah teliti.....(TMBM1S2)

.....tak de peta alir saya rasa agak susah untuk memasak....dan lambat pergerakan saya untuk memasak....bila ada peta alir...saya rasa mudah untuk faham kerja saya, walaupun saya dah hafal resipi, bila tengok je....saya dah ingat semula step by step dia....ehhhh untuk memasak. Bila saya rujuk peta alir, saya lebih faham step by step....ah lagi pun ada gambar sekali...so saya boleh lebih senang faham.....(TMBM2S2)

.....sebelum saya merujuk peta alir, agak lambat lah saya buat kerja.....tak tahu nak buat apa...asyik tengok kawan....bahan yang perlu ambik....potong apa....basuh apa.....selepas saya merujuk peta alir, saya dapat...ah....rujuk dan buat amali dengan baik....kalau saya hafal boleh tapi.....saya akan lupa tiba-tiba....macam tadi saya lupa masukkan tepung.....bila tengok peta alir terus ingat....langkah seterusnya.....(TMBM3S2)

Daripada jawapan yang diberikan oleh murid mengenai sebelum menggunakan intervensi Kaedah *LT Flow Map*, murid mengalami masalah semasa menjalankan latihan praktikal, misalnya proses kerja lambat, tidak mahir merujuk resipi, cepat lupa dan tidak yakin pada diri. Selepas menggunakan intervensi Kaedah *LT Flow Map*, didapati maklum balas yang positif daripada murid. Murid dapat menjalankan latihan praktikal dengan cepat, pantas, yakin pada diri sendiri, berani, sekiranya mereka lupa langkah memasak dapat merujuk peta alir kerana terdapat gambar, maka memudahkan mereka.

Dengan ini dapat membuktikan bahawa, intervensi Kaedah *LT Flow Map* telah membantu murid meningkatkan nilai keberanian dan yakin pada diri sendiri semasa menjalankan latihan praktikal dalam kelas secara tidak langsung. Pengkaji juga bertanya soalan berkaitan perlukah guru teruskan Kaedah *LT Flow Map* bagi latih-latihan praktikal lain. Berikut merupakan respon daripada murid mengenai persoalan yang ditanyakan.


Perlu.....cikgu terus bagi peta alir kepada kami.....nanti kami boleh buat dengan baik....(TMBM1S3)

Kalau bagi sayaaa.....cikgu nak terukan pun boleh...tak buat pun boleh.....tapi kalau cikgu buat senang untuk kawan-kawan dan saya untuk buat kerja pantas...ah...kalau tak pasti boleh rujuk....(TMBM2S3)

Boleh cikgu....kalau saya rujuk peta alir memudahkan saya untuk buat dengan berani.....(TMBM3S3)

3.3 Murid dapat menghasilkan hidangan mengikut langkah penyediaan dengan baik

Berdasarkan pemerhatian semasa murid menjalankan latihan praktikal, pengkaji telah menilai mengikut rubrik yang disediakan dalam Kertas Penilaian Prestasi. Melalui pemerhatian yang dijalankan, didapati, semua murid telah dapat menghasilkan hidangan mengikut langkah penyediaan yang betul dengan baiknya. Dengan ini, pengkaji telah menyediakan satu fail rubrik sendiri mengikut latihan praktikal yang dijalankan oleh murid. Dengan penyediaan fail ini, memudahkan pengkaji menilai murid.



Rajah 5: Penilaian Skor Hidangan *Brown Beef Stew*

Dengan ini dapat membuktikan bahawa, intervensi Kaedah *LT Flow Map* telah membantu murid menghasilkan hidangan mengikut langkah penyediaan yang betul semasa menjalankan latihan praktikal dalam kelas. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa murid sentiasa merujuk peta alir semasa menjalankan latihan praktikal supaya tidak berlaku kesilapan. Rajah 6 diatas ini, merupakan skor markah bagi latihan praktikal hidangan *Brown Beef Stew* dan skor soalan yang ditanyakan sebelum PdPC dimulakan. Apabila murid menggunakan kaedah *LT Flow Map* menunjukkan pencapaian skor makah mengikut rubrik dalam penilaian prestasi tinggi dan jelas menunjukkan kaedah membantu murid untuk menjalankan latihan praktikal dengan baik dan jayanya.

4. PERBINCANGAN

Berdasarkan penyelidikan tindakan yang telah pengkaji laksanakan terdapat tiga refleksi yang diperolehi, antaranya ialah:

4.1 Impak Terhadap Amalan Pengajaran Guru

Hasil pelaksanaan kajian tindakan ini, guru telah mendapat impak yang positif dan implikasi yang sangat berkesan kepada guru. Guru dapat mengaplikasikan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baharu di dalam kelas latihan praktikal. Di mana intervensi Kaedah *LT Flow Map* boleh digunakan dalam semua tajuk PPM. Sebelum memulakan kelas praktikal, guru dapat membuat ulangkaji sendiri untuk tajuk yang ingin diajar dan menyediakan intervensi tersebut mengikut hidangan yang akan disediakan oleh murid. Di samping itu, guru juga dapat membuat penyemakan

terhadap resipi standard, sebelum menyediakan intervensi Kaedah *LT Flow Map* mengikut resipi yang telah ditetapkan.

4.2 Impak Terhadap Murid

Melalui kajian tindakan ini, murid dapat menjalankan latihan praktikal dengan bersistematik. Murid lebih berfokus semasa menjalankan latihan praktikal, mereka tidak kalut dan kelihatan proses kerja sangat terancang apabila membuat latihan praktikal. Intervensi ini membantu murid memahami resipi standard yang diberikan dengan baik. Selain itu, murid juga dapat menghasilkan hidangan mengikut langkah penyediaan yang betul apabila menggunakan intervensi Kaedah *LT Flow Map*. Apabila murid mengaplikasikan kaedah *LT Flow Map*, mereka kelihatan lebih berani dan yakin pada diri sendiri semasa menjalankan latihan praktikal.

4.3 Impak Terhadap Kursus Penyediaan dan Pembuatan Makanan

Melalui kajian tindakan ini dapat memberi satu kesan yang positif kepada proses pengajaran dan pemudahcaraan bagi kursus PPM itu sendiri. Sebelum ini tiada satu kaedah khusus untuk membantu murid dalam kelas praktikal. Intervensi Kaedah *LT Flow Map* boleh diaplikasikan dalam PdPC guru PPM yang lain di dalam kelas mereka. Hal ini kerana semua guru PPM akan mengajar tajuk latihan praktikal yang sama kepada semua murid PPM. Apabila guru menggunakan Kaedah *LT Flow Map* membantu semua murid menjalankan latihan praktikal dengan berani dan lebih yakin. Dalam intervensi Kaedah *LT Flow Map*, murid dapat melihat secara visualisasi setiap langkah penyediaan bagi sesuatu hidangan.

5. KESIMPULAN

Melalui penyelidikan tindakan ini, intervensi Kaedah *LT Flow Map*, telah dapat menyelesaikan dan menambahbaik terhadap tiga isu. Murid telah dapat memahami resipi standard sebelum memulakan latihan praktikal, dapat menjalankan latihan praktikal dengan berani serta yakin pada diri sendiri dan dapat menghasilkan hidangan mengikut langkah penyediaan yang baik. Hasil dapatan kajian tindakan ini, pengkaji mendapat impak yang positif dan sangat berkesan daripada murid dalam melaksanakan latihan praktikal. Melalui penyelidikan ini, pengkaji sedar bahawa sebagai seorang guru wajar merubah lanskap pengajaran agar murid berupaya meningkat minat dalam bidang masakan. Oleh sedemikian, pengkaji berhasrat untuk membuat pengajaran dengan murid PMM kelas lain berkenaan dengan Kaedah *LT Flow Map*.

Rujukan

- Alqazlan S., Alallawi B., Totsika V. (2019). Post-secondary education for young people with intellectual disabilities: A systematic review of stakeholders' experiences. *Education Research Review*, 28, Article 100295. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2019.100295>
- Daud, R., Ab Rahman, R., & Adnan, A. W. (2020). Keberkesanan Peta Pemikiran I-Think Dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) The Effectiveness Of I-Think Thinking Maps in Improving Higher Order Thinking Skills (Hots). *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 3 (1), 64-78.
- Dhir, H. K. (2022). 21st Century Education for Special Needs Students: A Teacher's View and an Instructional Approach. In I. Management Association (Eds.), *Research Anthology on Inclusive Practices for Educators and Administrators in Special Education* (pp. 71-95). IGI Global. <https://doi.org/10.4018/978-1-6684-3670-7.ch005>

Islam, M. N., Hasan, U., Islam, F., Anuva, S. T., Zaki, T., & Islam, A. N. (2022). IoT-Based Serious Gaming Platform for Improving Cognitive Skills of Children with Special Needs. *Journal of Educational Computing Research*, 07356331211067725.

Magrin M.E, Marini. E & Nicolotti. M. (2019). Employability of Disabled Graduates: Resources for a Sustainable Employment. Department of Psychology, University of Milona. Bicocca Italy.

Mallard, D.F.& Hazel, J.S (1992). Social competencies as a pathway to successful life transitions. *Learning Disabilities Quarterly*, 15,251-271

Mohamed Yusof. A. (2012). Penerapan Kemahiran Kebolehtkerjaan dalam kalangan Pelajar Berkeperluan Khas. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA. Hotel Puteri Pasific: Johor Bahru.